

19/02/1997

Kualiti teras budaya kerja Samsung

M Noh Senan

MENGEKAL dan meningkatkan kualiti sesuatu produk itu bukan perkara mustahil jika semua peringkat dalam sesuatu organisasi itu bekerjasama, komited dan sehalu mencapai kecemerlangan.

Samsung Malaysia yang membuka tiga kilang di kawasan perindustrian Senawang, Seremban menjadikan kualiti sebagai teras budaya kerja di kalangan 7,500 pekerjanya.

Seperti kata Pengarah Urusan Samsung Electron Devices (M) Sdn Bhd (SEDM), H B Chung dalam perutusan sempena Tahun Baru 1977 kepada pekerjanya baru-baru ini, kualiti semestinya dijadikan amalan seharian.

"Semua operasi kita mestilah sentiasa cemerlang agar mencapai taraf global dari segi proses kualiti dan produk. Kejayaan syarikat bergantung sepenuhnya pada pekerjanya.

"Oleh itu pekerja mestilah didorong untuk terus mencapai Pengurusan Keseluruhan Berkualiti (TQM) dan mengamalkan budaya Peningkatan Proses Berterusan (Continuous Process Improvement)," katanya.

Sebenarnya, kejayaan yang dicapai oleh Samsung di negara ini adalah komitmen pekerja yang sentiasa bekerja mengikut arahan serta panduan yang dikeluarkan oleh pengurusan, selain kemudahan sampingan yang disediakan dalam kawasan kompleks perkhilangan itu sendiri.

Seseorang yang kali pertama datang ke kompleks itu, pasti tertarik dengan suasananya, pekerjanya tekun menjalankan kerja dan ia sentiasa kelihatan bersih.

Suasana nyaman dan ceria wujud di mana-mana kawasan kompleks. Sukar untuk melihat kecacatan ketara di kawasan dari pintu masuk utama hinggalah ke bahagian lain, termasuk tempat riadah, kedai dan klinik.

Menurut Pengurus Kanan (Pejabat Presiden, Perhubungan Awam dan Penyiaran), Alias Busu pada 24 Februari tercatatlah sejarah bagi Samsung Malaysia di Seremban menyambut kedatangan tetamu paling istimewa.

"Seluruh kakitangan kami sedang membuat persiapan rapi menunggu kedatangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk merasmikan kompleks kilang pada hari itu," katanya.

Malah, pihak pengurusan membelanjakan RM600,000 untuk membeli kamera yang akan diberikan sebagai cenderamata kepada pekerja pada hari perasmian berkenaan.

Alias berkata, suasana bekerja di samping kemudahan yang disediakan untuk pekerja adalah antara faktor pemikat mengapa Samsung masih kekal dan menjadi pilihan belia bekerja dengannya.

"Di sini kami lakukan apa yang kami cakap. Itulah falsafah Samsung dan apa yang kami lakukan sudah menjadi sebutan ramai sama ada kebajikan untuk pekerja dan masyarakat, untung dan faedah yang disediakan di sini," katanya.

Sejak bertapak lima tahun lalu, Samsung sering mendapat perhatian remaja untuk bekerja di kilangnya. Kilang itu tidak menghadapi masalah mendapatkan pekerja setakat ini malah ia sering menerima pertanyaan peluang yang disediakan.

Pihak pengurusan memang tidak mengabaikan keselesaan pekerjanya dan sehingga ini sudah menyediakan 4 blok menampung 2,500 pekerja atau 30 peratus daripada tenaga kerjanya.

"Dua blok lagi masih dalam pembinaan. Selain itu mereka juga disediakan kompleks sukan, dewan, gimnasium," katanya.

Baru-baru ini, pihak kilang turut mengambil pelajar lepasan SPM di

negeri ini menjalani latihan di kilang bagi menggalakkan mereka menimba pengalaman dan memahami alam pekerjaan di sesebuah kilang elektronik.

Mereka begitu seronok bekerja di situ walaupun dalam tempoh yang singkat, tetapi apa yang penting ialah sekurang-kurangnya Samsung dapat mendedahkan mereka kepada bidang yang sebelum ini diterokai mereka.

Lepasan sekolah itu bekerja 10 hingga 12 jam dan projek ini nampaknya berfaedah dari segi membantu remaja mengisi lapang selepas menamatkan peperiksaan.

Bagi merapatkan hubungan satu sama lain dalam suasana kekeluargaan, Samsung baru-baru ini menubuhkan pusat penyiaran berharga RM4.7 juta di kompleks kilangnya.

"Pusat ini bertindak sebagai penyebar maklumat kepada pekerja sama ada mengenai perkembangan syarikat atau hal ehwal semasa," kata Alias.

Ia dikendalikan oleh kumpulan yang mahir dalam bidang penyiaran dan terbukti berkesan dari segi menyampaikan maklumat terkini demi faedah pekerja pelbagai peringkat.

Samsung Malaysia akan berusaha mengekalkan prestasi cemerlang dari segi mengeluarkan produk bermutu untuk memenuhi keperluan permintaan dunia yang semakin meningkat dan menjadi syarikat terbaik di Korea Selatan.

Menurut satu laporan mengenai 200 syarikat terkemuka Asia dalam Far Eastern Economic Review, Samsung Electronics adalah syarikat terbaik di Korea Selatan.

Laporan yang dinamakan Review 200 itu berkisar mengenai kepemimpinan korporat, berbeza dengan kajian lain membandingkan syarikat berdasarkan hasil jualan atau keuntungan.

(END)